



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 19 SEPTEMBER 2020**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	'MOWGLI' MISSING FROM SCHOOL FOLLOWING BUFFALO DEATHS, NEWS, NST -14 TEACHERS TRYING TO COAX A HEARTBROKEN 'MOWGLI' BACK TO SCHOOL, NATION, THE STAR -3 USAH JUAL DAGING TERNAKAN DJANGKITI HS, LOKAL, HM -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4. 5. 6. 7. 8.	BID TO SMUGGLE 23 DOGS WORTH RM20,000 FOILED, VIEWS, NST -14 SELUDUP 23 ANJING DALAM LORI BUAH, DALAM NEGERI, UM -31 GAGAL SELUDUP 23 ANJING PELBAGAI BAKA, NEGARA, KOSMO -14 23 DOGS SMUGGLED INTO COUNTRY FROM THAILAND SEIZED, NATION, THE STAR -13 MAQIS RAIKAN 46 KAKITANGAN CEMERLANG, KOMUNITI KITA, KOSMO -32	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10.	BERNAS SANTUNI 50 KELUARGA BERBILANG KAUM, NEGERI JOHOR/MELAKA/NEGERI SEMBILAN, SH -26 BERNAS BANTU LEBIH 50 KELUARGA DI FLAT TAMAN CENDANA, NASIONAL, BH -20	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
11.	LADANG TANAMAN TIGA DAERAH MUSNAH, NEGERI TERENGGANU, SH -29	KAWASAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
12. 13.	PELUANG BELI ANAK POKOK MD2, DALAM NEGERI, UM -29 SASAR JADI PENGELUAR UTAMA, NEGERI KELANTAN/KEDAH, SH -28	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
14.	PUSAT USAHAWAN IKS BACHOK INOVASI KEREPEK LABU LAPAN PERISA, NEGERI KELANTAN/KEDAH, SH -28	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



*Muhammad Syukur Khamis with one of his family's buffaloes that died due to a bacterial infection in Kuala Terengganu recently.*  
BERNAMA P.I.C

## 'Mowgli' missing from school following buffalo deaths

### KUALA TERENGGANU

**M**ALAYSIA'S own Mowgli has skipped school for more than a week following the deaths of the family's buffaloes and his teachers are getting worried.

They hope Muhammad Syukur Khamis, 15, will not become withdrawn due to the deaths of almost half of a herd of 110 buffaloes, including his favourite, Semek and Tongkol, in his village of Kampung Kubang Bujuk here.

The 'Kampung Boy', as he is known after gaining international fame for his affinity for the animals, could still smile a few days ago when Semek was still alive, but has become depressed now that the animal too died of a bacterial infection.

Syukur's teachers believed that counselling was the best way to ensure that the Form Three student's education was unaffected by the incident.

The Guidance and Counselling Unit of SMK Padang Midin has stepped in to ease his trauma.

Teacher Siti Rokiah Abdullah said Syukur would be counselled from time to time and that several teachers were taking turns to talk to him.

She described the teenager as an "icon" who put the country in the limelight after photographs of him with the buffaloes went viral and won photography awards.

"On the first day of the deaths of some of the buffaloes, the school principal (Khairi Mohd Nor) and the senior assistant for student affairs (Zaki Mohd Nor) checked on Syukur and his family to give them moral support."

The buffalo farm in Kampung Kubang Bujuk is now out of bounds to the public. The remaining buffaloes have been injected with antibiotics by the Terengganu Veterinary Department. **Bernama**

## Teachers trying to coax a heartbroken 'Mowgli' back to school

**KUALA TERENGGANU:** Malaysia's own "Mowgli" has not attended school for over a week following the mass deaths of his family's buffaloes, and his teachers are getting worried.

They hope that Muhammad Syukur Khamis, 15, will not become too withdrawn due to the deaths of almost half of his father's original herd of 110 buffaloes, including the boy's favourites - Semek and Tongkol.

The Kampung Boy - as he is also known after gaining international

fame for his affinity to the animals - could still smile a couple of days ago but that was before Semek died from a bacterial infection that killed the other animals.

Muhammad Syukur's teachers at SMK Padang Midin feel that counselling would be the best way to ensure that the Form Three student's education remains unaffected by the incident.

One of the teachers, Siti Rokiah Abdullah, said the boy would be counselled from time to time.

Several teachers were taking

turns to talk to him, she added.

"On the first day when some of the buffaloes began succumbing, school principal Khairi Mohd Nor and the senior assistant for student affairs Zaki Mohd Nor had called on Muhammad Syukur and his family to provide them moral support," said Siti Rokiah.

On Friday, several members of the school management and teachers' club also visited the boy, she added.

Zaki said the school understood the boy's situation and would not

be taking any disciplinary action against him for not attending his classes.

"We understand that this is a trying time, especially for a person his age.

"Imagine, he used to enjoy the company of his buffalo friends and now, all of a sudden, almost half of them are gone," he said.

Since Sept 9, 52 of the 110 buffaloes belonging to Muhammad Syukur's father Khamis Jusoh in Kampung Kubang Bujuk died.

Reporters who went to the farm

found the teen caressing the dead animals and helping to bury them.

Photographs of Muhammad Syukur playing with over 100 buffaloes went viral on social media and won accolades for the photographers at the international level.

The buffalo farm in Kampung Kubang Bujuk is currently out of bounds to the public while the healthy animals have been given antibiotic injections by the Terengganu Veterinary Services Department. — Bernama



PEGAWAI JPV Terengganu memeriksa kerbau milik Muhamamad Syukur Khamis (kanan) yang mati di Kampung Banggol Katong. Serada dipercayai akibat penyakit hawar berdarah.

## Usah jual daging ternakan dijangkiti HS

**Kuala Terengganu:** Penteranak dilarang menyembelih, makan dan menjual ternakan dijangkiti penyakit *Haemorrhagic Septicaemia* (HS) atau hawar berdarah.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Mohd Terminzi Ghazali berkata, biarpun penyakit HS itu tidak menjangkiti manusia, daging haiwan dijangkiti penyakit itu tidak dibenarkan dijual dan tidak digalakkan untuk dimakan.

"Bakteria *Pasteurella multocida Carter's Type B* daripada HS hanya menjangkiti lembu dan kerbau dan tidak memberi kesan ke atas manusia."

"Bagaimanapun, itu tidak bermakna penternak dibolehkan menyembelih haiwan dijangkiti HS untuk memakan atau menjual daging



Dr Mohd Terminzi



Bakteria *Pasteurella multocida Carter's Type B* daripada HS hanya menjangkiti lembu dan kerbau dan tidak memberi kesan ke atas manusia"

tapi ia tidak bermakna dagingnya boleh dimakan atau dijual.

"Ternakan dijangkiti HS kebiasaannya akan mati dalam tempoh 24 jam dan bakteriaanya cepat merebak sekiranya tidak dikawal pada peringkat awal.

"HS boleh merebak melalui air dan burung hujrah membawa pencemaran air yang berpotensi menjadi punca penyakit itu merebak ke tempat lain.

"Hanya melalui suntikan vaksin atau pelalian HS boleh mencegah ternakan daripada dijangkiti penyakit berkenaan," katanya.

Befiau berkata, selain kerbau milik Khamis Jusoh, 64, 45 lagi kerbau dan lembu milik penternak lain di Kampung Pulau Manis dan kawasan Marang turut mati kerana penyakit HS itu.

HS itu perlu akur dengan kerugian dan tidak boleh menyembelih ternakan dijangkiti HS dan menjual dagingnya untuk mengelak daripada mengalami kerugian.

Katanya, JPV memaklumkan penyakit HS tidak menjangkiti manusia supaya orang awam tidak panik, te-

berkenaan.

"Maklumlah daging tercemar dengan bakteria dibimbang akan memberi kesan sampingan lain tidak diketahu kepada manusia, malah agama turut melarang perbuatan itu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terminzi berkata, penternak terjejas kerana wabak

## Bid to smuggle 23 dogs worth RM20,000 foiled

**IPOH:** The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) foiled an attempt to smuggle 23 dogs worth RM20,000 into the country. Perak director Rozita Superman said the dogs were seized at the Pengkalan Hulu Immigration, Customs, Quarantine and Security Complex on Thursday. She said the canines were placed in cages in a lorry that was on transit to Singapore from Thailand. "There were no permits issued by Maqis for the dogs. They did not have any health certificate from their country of origin." The case is being investigated under Section 11(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011, which provides a maximum fine of RM100,000 or imprisonment for up to six years, or both, upon conviction.

# Seludup 23 anjing dalam lori buah

Oleh SHAARANI ISMAIL  
ulusanews@mediamail.com.my

**GERIK:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengagalkan cubaan membawa masuk 23 anjing pelbagai baka di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di Pengkalan Hulu sini, semalam.

Pengarah Maqis negeri, Rozita Superman berkata, kesemua anjing berkenaan yang

dianggarkan bernilai RM20,000 diletakkan di dalam lapan sangkar dan disembunyikan dalam sebuah lori transit membawa buah-buahan dari Thailand untuk dibawa ke Singapura.

"Baka anjing yang dibawa masuk ialah Pomeranian, Shih Tzu dan French Bulldog.

"Kesemua anjing itu tidak mempunyai sebarang dokumen seperti permit import sah yang dikeluarkan Maqis dan Sijil Kesihatan dari negara asal," katanya di sini semalam.

Rozita berkata, kegagalan

mengemukakan permit import adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Sabit kesalahan, katanya, boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Setiap termasuk keluaran pertanian termasuk haiwan peliharaan hendaklah mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan bagi memastikan bebas daripada sebarang penyakit," katanya.



ANGGOTA Maqis menunjukkan sebahagian anjing yang cuba dibawa masuk ke Malaysia menerusi ICQS Pengkalan Hulu di Gerik, Perak, semalam. - IHSAN MAQIS



**ANGGOTA Maqis menunjukkan sebahagian daripada 23 anjing pelbagai baka yang dirampas di ICQS Pengkalan Hulu semalam.**

## Gagal seludup 23 anjing pelbagai baka

**PENGGALAN HULU** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mengagalkan cubaan membawa masuk 23 anjing pelbagai jenis baka di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini semalam.

Pengarah Maqis Perak, Rozita Superman berkata, anjing dalam lapan sangkar dan disemburkan dalam sebuah lori tran-

sit membawa muatan buah-buahan dari Thailand ke Singapura.

"Jenis baka anjing yang dibawa masuk adalah Pomeranian, Shih Tzu dan French bulldog.

"Kesemua anjing itu tidak mempunyai permit import sah yang dikeluarkan oleh Maqis dan siji kesihatan dari negara asal," katanya.

Tambahnya, kegagalan untuk mengemukakan permit import adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan

Malaysia 2011 yang sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjara maksimum enam tahun atau keduanya sekali.

Rozita berkata, setiap kemasukan keluaran pertanian termasuk haiwan peliharaan perlu mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan makanan, barang atau binatang yang dibawa masuk ke negara ini bebas daripada sebarang penyakit yang berisiko untuk merebak.

# 23 dogs smuggled into country from Thailand seized

By IVAN LOH  
ivanloh@thestar.com.my

**PENKALAN HULU:** Twenty-three dogs of various breeds, including Pomeranian, Shih Tzu and French Bulldog, have been seized by authorities as they were being smuggled into the country.

Kept in eight cages hidden among crates of fruits, the lorry was on its way from Thailand to Singapore.

The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) seized the dogs, worth about RM20,000, that were smuggled in through the Immigration, Customs, Quarantine and Security Complex here.

Perak Maqis director Rozita Superman said cages of the dogs were found in the lorry on its way to deliver fruits from Thailand to Singapore on Thursday.

"There were no documents for

the dogs, including import permits issued by Maqis, or health certificates from the country of origin," Rozita said in a statement yesterday.

"The case is being investigated under Section 11(1) of the Malaysian Quarantine and Inspection Services Act 2011, which provides a fine of up to RM100,000 or imprisonment of up to six years, or both, upon conviction.

"We will wait for further instructions from the deputy public prosecutor's office on how to deal with the animals next," she said.

Meanwhile, Ipoh Society for the Prevention of Cruelty to Animals president Ricky Soong said it was willing to assist Maqis by temporarily sheltering the dogs.

Soong said it would also help clean and provide food and shelter for the dogs until Maqis decides on the next course of action.



**Going nowhere:** Dogs of various breeds were found in eight cages inside a lorry that was transporting fruits from Thailand to Singapore.



## Maqis raikan 46 kakitangan cemerlang

**DIHARGAI.** Seramai 46 pegawai dan anggota Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang menerima penghargaan atas kecemerlangan dalam menjalankan tugas pada Majlis

Penghargaan Warga Media dan Anggota Jabatan Maqis Pulau Pinang baru-baru ini.

Antara yang disampaikan ialah Anugerah Pintu Masuk Terbaik 2019, Anugerah Pegawai Penangkap Terbaik 2019, Anugerah Pegawai

Penyasat Terbaik 2019 dan Anugerah Pegawai Penyasat Melepas KPI 2019.

Turut menarima sijil penghargaan adalah barisan petugas media di negeri itu yang sentiasa membuat liputan kepada jabatan berkenaan.



**SAIFUL YAZAN** (depan empat dari kanan) dan **Zarina** (depan tiga dari kanan) bersama pegawai dan anggota Maqis Pulau Pinang di Bayan Lepas baru-baru ini.

19/9/2020

SINAR  
HARIANJOHOR/MELAKA/  
NEGERI SEMBILAN

26

## Bernas santuni 50 keluarga berbilang kaum

**PASIR GUDANG** - Padi-beras Nasional Berhad (Bernas) meneruskan tanggungjawab sosial korporatnya dengan menghulurkan bantuan kepada lebih 50 keluarga berbilang kaum di kawasan kediaman Flat Taman Cendana, Pasir Gudang di sini baru-baru ini.

Pengurus Operasi Wilayah Selatan, Noor Khaliq Abdul Rahman berkata, inisiatif terbabit dilakukan bagi membantu masyarakat setempat yang terkesan akibat penularan pandemik koronavirus (Covid-19).

Beliau berkata, Flat Taman Cendana di sini yang mempunyai penduduk pelbagai kaum dilihat bertepatan dengan konsep bulan kebangsaan yang kini masih disambut rakyat Malaysia. "Covid-19 bukan sahaja menjejaskan kesihatan, malah ia turut memberi kesan kepada pendapatan individu dan isi rumah.

"Justeru, Bernas mengambil inisiatif menceerikan dengan sumbangan berbentuk wang dan barangan keperluan harian di Flat Taman Cendana," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Bernas, Rosniza Baharum berkata, Bernas Prihatin sebelum ini telah menemui beberapa pesawah di Sekinchan, Selangor dan



Bernas menghulurkan sumbangan kepada 50 penduduk di Taman Flat Cendana, Pasir Gudang baru-baru ini.

Pasir Puteh, Kelantan untuk menyampaikan sumbangan kepada golongan memerlukan sebelum ke Pasir Gudang.

Menurutnya, daripada 50 keluarga yang dikenal pasti Badan Kebajikan Penduduk Taman Cendana, enam daripadanya merupakan golongan kurang upaya (OKU).

Seorang penerima, Bunga Osman, 61, berkata, dia bersyukur atas sumbangan diterima kerana tidak mempunyai punca pendapatan, selain hanya mengharapkan bantuan bagi meneruskan kehidupan.

Bagi P Krisnaama, 52, yang kehilangan suami dua tahun lalu pula berterima kasih kepada Bernas atas sumbangan wang dan barangan harian diterima yang membantu meredakan beban keluarganya.



Rosniza (empat dari kanan) bersama penduduk yang menerima sumbangan beras dan barang keperluan di Flat Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor.

## BERNAS bantu lebih 50 keluarga di Flat Taman Cendana

Sumbangan wang, barang keperluan ringankan beban penghuni terkesan akibat COVID-19

Oleh Sophia Ahmad  
sophia@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lebih 50 keluarga di Flat Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor, menerima bantuan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) bagi meringankan beban mereka yang terkesan akibat penularan COVID-19.

Pengurus Operasi BERNAS Wilayah Selatan, Noor Khaliq Abdul Rahman dalam satu kenyataan, berkata COVID-19 bukan sahaja menjejaskan kesihatan, malah turut memberi kesan kepada pendapatan individu dan isi rumah.

"Justeru, BERNAS mengambil inisiatif menceriakan mereka di Taman Cendana dengan sumbangan berbentuk wang dan barangan keperluan harian. Selain berhampiran gudang operasi kami, kawasan ini menempatkan pelbagai kaum, bertepatan dengan konsep Bulan Kebangsaan serang," katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat BERNAS, Rosniza Baharum, berkata menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR), BERNAS Prihatin, pihaknya sebelum ini me-

nyalurkan bantuan kepada pesawah di Sekinchan, Selangor dan Pasir Puteh, Kelantan.

"Kali ini kami ke Pasir Gudang bagi menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan, terutama ketika fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang kita lalui ketika ini," katanya.

Katanya, BERNAS mengenal pasti lebih 50 keluarga pelbagai bangsa, termasuk enam penduduk dari kalangan orang kelainan upaya (OKU) di penempatan itu yang memerlukan bantuan.

"Ramai di antara mereka juga hilang punca pendapatan semenjak PKP dilaksanakan pada Mac lalu," katanya sambil menambah, dua jenis beras disumbangkan pada program itu, iaitu Beras Basmati dan Beras Putih Tempatan yang dapat membantu memberi

sumber tenaga kepada keluarga penerima.

"Beras dan masyarakat Malaysia memang tidak dapat dipisahkan. Ia antara sumber karbohidrat yang memberi tenaga kepada kita," katanya.

Katanya, BERNAS Prihatin akan diteruskan pada masa akan datang, bukan sahaja bagi membantu golongan memerlukan, tetapi juga sebagai platform mengukuhkan silaturahim di antara syarikat itu dan masyarakat setempat.

Penduduk OKU, Bunga Osman, 61, bersyukur dan lega dipilih menerima bantuan berkenaan kerana dia tidak mempunyai punca pendapatan dan hanya bergantung kepada sumbangan untuk meneruskan kehidupan seharian.

"Alhamdulillah, syukur di atas sumbangan ini. Ia banyak membantu, lebih-lebih lagi saya tiada punca pendapatan dan hanya mengharapkan bantuan kerajaan dalam meneruskan kehidupan harian," katanya yang turut menjaga rakan yang memerlukan penjagaan kesihatan rapi.

Bagi Krishnaama Pertumal, 52, yang kehilangan suami dua tahun lalu, bantuan diberikan BERNAS termasuk wang tunai, memberi makna besar dalam kehidupannya.

"Selepas pemergian suami, punca pendapatan saya agak terhad, apatah lagi perlu membesarkan anak. Sumbangan seumpama ini amat bermakna buat kami sekeluarga," katanya.

**Alhamdulillah, syukur di atas sumbangan ini. Ia banyak membantu, lebih-lebih lagi saya tiada punca pendapatan dan hanya mengharapkan bantuan kerajaan.**

Bunga Osman,  
Penduduk OKU

# Ladang tanaman tiga daerah musnah

Petani di Besut, Setiu, Dungun terjejas akibat ribut

Oleh RAHAYU MUSTAFA

**KUALA TERENGGANU**

Beberapa ladang pertanian milik penduduk di tiga daerah iaitu Besut, Setiu dan Dungun dilaporkan musnah akibat dilanda ribut petang kelmarin.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, kemusnahan ladang yang ditanam dengan tanaman padi, jagung dan timun itu sedang dinilai kerajaan negeri.

Beliau berkata, pihaknya turut memantau ladang tanaman di kawasan lain dan petani



Dr Azman (kiri) meninjau rumah yang rosak dilanda ribut di Jabi petang kelmarin.

yang terjejas akan dibantu segera melalui Tabung Bencana Pertanian Negeri.

"Saya telah mengarahkan Jabatan Pertanian Terengganu dan Kawasan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (KADA Ketara) untuk mengemukakan

laporan lengkap agar petani terlibat dibantu segera.

"MPKK (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung) juga dimohon untuk menyalurkan maklumat kepada Pejabat Pertanian Daerah sekiranya terdapat petani terjejas dalam kam-

pung masing-masing," katanya semalam.

Selain kemusnahan ladang tanaman, Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi berkata, lebih 30 rumah di kawasan beliau turut rosak akibat ribut berserta hujan

lebat itu.

Antara kampung terjejas ialah Kampung Oh, Kampung Cabang Tiga Oh, Kampung Bakat, Kampung Renek, Kampung Bharu Tok Dor, Kampung Padang Lengkuas, Kampung Tasik Nibong, Kampung Sri Aman dan beberapa kampung lain.

Menurut beliau, dalam kejadian kira-kira jam 5 petang itu, kebanyakan rumah rosak pada bahagian atap kerana ditbangkan angin kencang dan ditimpa pokok manakala tujuh batang pokok terbalik di sekitar Jabi.

"Alhamdulillah, tiada kecederaan dilaporkan dalam kejadian ini dan rumah yang rosak sedang dibaik pulih bermula hari ini (semalam) menggunakan peruntukan dari pejabat ADUN Jabi.

"Saya juga berterima kasih kepada kakitangan pejabat dan MPKK yang segera membantu penduduk terlibat," katanya.

19/9/2020

UTUSAN  
MALAYSIA

DALAM NEGERI

29



**MOHD. KAISAN Ab. Rahman** memegang nanas MD2 yang semakin popular di negara ini. - UTUSAN/TOREK SULONG

## Peluang beli anak pokok MD2

**PASIR PUTEH:** Nanas MD2 iaitu varieti nanas premium yang semakin popular sehingga anak pokoknya kini dicari ramai menjadi tumpuan Karnival Nanas di Jalan Bypass Petron, di sini.

Karnival anjuran Pertubuhan Alumni 4B Pasir Puteh yang berlangsung dua hari bermula semalam itu dibuka kepada orang awam bermula pukul 9.30 pagi hingga 5.30 petang.

Timbalan Pengerusi Alumni 4B Kelantan, Datuk Dr. Mohd. Kaisan Ab. Rahman berkata, pelbagai aktiviti menarik disediakan sepanjang karnival

dengan slogan 'Mari Singgah dan Meriahkan Karnival Nanas MD2' berkenaan dengan tumpuan pastinya kepada nanas MD2.

"Pengunjung boleh mendapatkan pelbagai produk berasaskan nanas dengan harga berpatutan selain peluang terbaik untuk mereka yang berminat membeli anak pokok nanas MD2," katanya di sini semalam.

Mohd. Kaisan memberitahu, selain mempromosi nanas MD2, program itu bertujuan mengumpul dana bagi membiayai pelbagai aktiviti kemasyarakatan anjuran Pertubuhan Alumni 4B.

# Sasar jadi pengeluaran utama

Yakin mampu dicapai berikutan kejayaan beberapa pengusaha tanaman di KBee Valley

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

## PASIR PUTEH

**L**embaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Kelantan menyasarkan hasrat menjadi pengeluaran nanas milie dilard 2 (MD2) terkemuka di negara ini.

Pengarahannya, Mohd Zamani Ab Ghani berkata, sasaran tersebut mampu dicapai berpandukan kejayaan beberapa pengusaha tanaman itu di atas tanah mineral atau bukit terutama di KBee Valley, Kuala Krai.

Beliau berkata, hasil tuai nanas MD2 di tanah bukit dilihat lebih segar kerana kawasan itu sedikit berair dan mempunyai saluran yang baik.

“Melihat kepada potensi itulah



Mohd Zamani (tiga dari kanan) bersama Nik Mahidin (kanan) dan Dr Mohd Kaisan (tiri) semasa merasmikan Mini Karnival MD2 di Pasir Puteh semalam.

kita menyasarkan memperluaskan kawasan tanaman nanas ini supaya hasrat menjadi salah satu pengeluaran utama mampu dicapai,” katanya selepas merasmikan Mini Karnival MD2 anjuran Alumni Gerakan Belia 4B Kelantan di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi Alumni 4B Negeri Kelantan, Datuk Nik Mahidin Nik Mustapa dan Timbalannya, Datuk Dr Mohd Kaisan Abd Rahman.

Menurutnya, setakat ini Kelantan mempunyai 100 penanam nanas membabitkan lebih 100 hektar tanah di Kuala Krai, Tanah Merah, Jeli, Rantau Panjang dan Pasir Puteh.

Katanya, bagi merancarkan lagi perkembangan industri nanas, kerajaan menerusi LPNM Kelantan menyediakan galakan menerusi bantuan benih kepada peserta, selain khidmat nasihat dan bimbingan.

19/9/2020

SINAR  
HARIANNEGERI  
KELANTAN/  
KEDAH

28

## Pusat Usahawan IKS Bachok inovasi kerepek labu lapan perisa

**BACHOK** - Kerepek labu lapan perisa bakal memberi saingan kepada makanan riangan keluaran industri kecil dan sederhana (IKS) di negara ini apabila Pusat Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Bachok di sini mengambil inisiatif memperkenalkan perusahaan kerepek berkenaan sejak sebulan lalu.

Kerepek hasil idea Noriza Rosdi, 43, itu boleh didapati dalam pelbagai perisa termasuk tomyam, lada hitam, kari, keju dan original yang kini turut mendapat permintaan tinggi di Kelantan.

Pengerusi Pusat Usahawan IKS Kelantan, Mohd Rahim Mat Ali berkata, buah labu merupakan antara tanaman hiliran diusahakan penduduk setempat dengan perusahaan kerepek berkenaan ketika ini diusahakan Noriza dibantu suaminya, Mohd Zain Yusuf, 61, bersama lima pembantu yang diproses di bengkel kerepek labu dekat Beris Lalang, Bachok.

"Kerepek labu ini dapat meningkatkan ekonomi penanam labu di sekitar kawasan ini," katanya kepada *Sinar Harian* selepas Majlis Perasmian dan Pelancaran Industri Kerepek Labu Pusat Usahawan IKS Bachok semalam.

Majlis dirasmikan Timbalan Exco



Abdul Azziz (tengah) menandatangani piak bagi menyempurnakan perasmian Industri Kerepek labu di Beris Lalang, Bachok semalam.

Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Abdul Azziz Kadir yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jelawat.

Hadir sama, Setiausaha IKS Bachok, Hambali Hassan.

Sementara itu, Abdul Azziz menyatakan baik usaha pusat IKS berkenaan yang mempelbagaikan hasil pertanian selaras dengan hasrat kerajaan memanfaatkan sumber tanaman setempat.

"Kerajaan juga mahu lahirkan usahawan tempatan dan inovasi sebegini membantu masyarakat sekitar meningkatkan sumber ekonomi keluarga selain boleh mempromosikan Bachok yang popular dengan produk pertanian," katanya.